



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

TINDAKAN DAN INISIATIF BARU DALAM MEMBENTERAS DENGGI BAGI 2014 8 JANUARI 2014

Sepanjang tahun 2013, kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara telah meningkat sebanyak 98% berbanding tahun lepas iaitu sebanyak 43,346 kes dilaporkan berbanding 21,900 kes pada tahun 2012. Begitu juga dengan kes kematian denggi, meningkat sebanyak 163% iaitu dengan 92 kematian berbanding 35 kematian tahun 2012. Dengan situasi denggi sebegini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dan akan melaksana beberapa tindakan serta inisiatif baru bagi menangani situasi ini pada tahun 2014.

Pada 5 Januari 2014, **Program Ayuh Gempur Aedes Perdana** Peringkat Kebangsaan telah dilancarkan oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan di Shah Alam Petaling, Selangor. Program ini yang memberi penekanan kepada tindakan bersepadu komuniti setempat bersama agensi-agensi yang berkaitan dalam menghapuskan tempat-tempat pembiakkan Aedes di persekitaran mereka. Dengan pelancaran ini, semua negeri diminta untuk melaksanakan program ini setiap bulan samada di peringkat negeri atau daerah terutama di daerah yang bermasalah denggi.

Projek COMBI (*Communication for Behavior Impact*) yang terbukti berkesan dalam mengawal dan mencegah denggi di beberapa tempat perlu diperkukuhkan dan dipertingkatkan lagi. Pengiktirafan Kementerian Kesihatan terhadap Projek COMBI yang telah berjaya mengawal dan mencegah denggi ditempat mereka akan diteruskan dengan mengadakan Konvensyen COMBI Kebangsaan dan memberi insentif terhadap projek yang terbaik. Syarikat syarikat swasta yang ingin melaksanakan tanggungjawab sosial dan kemasyarakatan (*Community and Social Responsibility*) digalakkan untuk membantu komuniti menjayakan Projek COMBI ini.

Bagi mempermudah komuniti dalam melaksanakan aktiviti pengurangan tempat pembiakan Aedes dan pencegahan denggi, KKM akan mengusahakan supaya **bahan Temephos dan repellent mudah diperolehi** oleh komuniti melalui jualan **di stesen minyak, pasaraya dan kedai runcit 24 jam**. Temephos merupakan produk untuk membunuh jentik-jentik nyamuk Aedes di takungan air yang kekal dan tidak boleh dimusnahkan manakala repellent pula merupakan produk pelindung diri untuk mencegah dari gigitan nyamuk. Pada masa yang sama, KKM juga berusaha untuk meningkatkan kerjasama dengan syarikat swasta melalui tanggungjawab sosial kemasyarakatan (CSR) bagi membuat promosi dan edaran temephos dan repellent kepada masyarakat terutama di kawasan berisiko denggi.

Program “Ops Gempur Aedes” iaitu **aktiviti penguatkuasaan** yang dilancarkan sejak Julai 2013 akan diteruskan untuk dilaksanakan setiap bulan di setiap negeri atau daerah pada tahun 2014 ini. Operasi penguatkuasaan secara serentak diseluruh negara akan diadakan terutama di lokaliti-lokaliti wabak denggi, bagi memastikan tempat-tempat pembiakan Aedes dihapuskan dan tindakan diambil keatas pemilik premis yang membiarkan premis mereka menjadi tempat pembiakan Aedes. Pemilik premis yang didapati membiak nyamuk Aedes akan dikenakan kompaun maksima RM500 dan untuk kesalahan berulang, tindakan mahkamah akan diambil. Pemilik premis yang disabitkan kesalahan di mahkamah boleh dikenakan denda maksima RM10,000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan untuk kesalahan kedua, denda maksima RM 50,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya boleh dikenakan.

Sebanyak 6 siri Ops Gempur Aedes telah dijalankan di mana sebanyak 91,068 premis telah diperiksa dan sebanyak 594 kompaun telah dikeluarkan terhadap premis yang membiak Aedes dengan nilai berjumlah RM297,000. Manakala bagi aktiviti penguatkuasaan keseluruhan yang dijalankan oleh KKM daripada Januari hingga November 2013, sebanyak 4,156,903 premis telah diperiksa dan sebanyak 14,000 kompaun dikeluarkan kepada premis yang

membangkitkan Aedes dengan jumlah nilai kompaun RM6,999,500. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 692 kes telah didenda di mahkamah dengan jumlah denda bernilai RM280,350. Selain daripada itu pemeriksaan keatas premis tapak-tapak pembinaan juga dijalankan dan pada tahun lepas saja, sebanyak 111 premis tapak binaan yang didapati mempunyai pembiakan Aedes dan telah diarahkan tutup bagi tujuan pembersihan.

Kementerian Kesihatan juga menyediakan maklumat mengenai denggi dan aktiviti pencegahan di laman web dan media sosial (*facebook*), melalui kenyataan akhbar yang dikeluarkan setiap minggu dan melalui *talkshow* yang dibuat saluran televisyen dan radio. Maklumat mengenai status kes, kematian dan lokaliti wabak denggi terkini boleh di perolehi dari laman web **idengue**.remotesensing.gov.my termasuk pautan kenyataan akhbar denggi daripada laman web Kementerian Kesihatan. Manakala aktiviti promosi dan pencegahan denggi boleh juga di dapati dari facebook CPRC Kementerian kesihatan Malaysia.

Bagi memastikan kes denggi mendapat rawatan yang optima dan mengelakkan kematian akibat denggi, KKM akan memastikan semua fasiliti kesihatan terutama klinik dan hospital swasta agar mengunapakai *Dengue Clerking Sheet* yang disediakan oleh KKM. Penggunaan *Dengue Clerking Sheet* ini bagi membantu dalam pengurusan pesakit denggi dan mempermudah untuk mengenalpasti kes denggi yang memerlukan rawatan intensif. *Dengue Clerking Sheet* telah dimuat naik di laman web KKM dan MMA dan boleh digunakan oleh mana mana pengamal perubatan di Malaysia.

Kementerian Kesihatan juga meningkatkan penyelidikan mengenai denggi bagi memastikan program dan tindakan kawalan denggi dilaksanakan adalah berkesan. Insitituit Penyelidikan Perubatan (IMR) sedang menjalankan beberapa projek berkaitan dengan denggi, di antaranya terdapat tiga daripada projek yang dilaksanakan berkaitan dengan inovasi baru untuk mengawal nyamuk *Aedes aegypti*. Projek pertama adalah mengguna perangkap nyamuk iaitu 'autocidal trap' yang memerangkap serta membunuh jejentik dan nyamuk dewasa. Peranangkap ini

telah dipaten oleh IMR. Bagi projek kedua ialah mengguna 'insect chemical control agent' dimana nyamuk dewasa akan menyebarkan bahan kimia ini kepada takungan-takungan air. Manakala projek yang ketiga adalah pengguna 'outdoor residual spraying of chemical insecticide' iaitu sejenis insecticide yang diguna dengan formulasi 'rain-resistant'. Ianya akan digunakan di dinding luar bangunan dan di pokok-pokok keliling kediaman bagi tujuan membunuh nyamuk dewasa. Selain daripada itu IMR juga sedang menguji 'dengue outbreak prediction model' untuk meramal kejadian wabak dengue. Projek-projek ini sedang dijalankan di beberapa kawasan 'hot spots' di Selangor dan akan tamat dalam beberapa bulan lagi.

Semua masyarakat di seru untuk menjaga kebersihan persekitaran premis masing masing dan melindungi diri mereka dari gigitan nyamuk Aedes. Ini adalah sebagai langkah mencegah dan melindungi diri serta masyarakat sekeliling dari jangkitan penyakit demam denggi.

Fenomena peningkatan secara global kes denggi yang berlaku di banyak negara dan juga di Malaysia, memerlukan Kementerian Kesihatan bertindak lebih inovatif dan efektif dalam mengawal denggi di negara ini. Seajar dengan keperluan masa kini Kementerian Kesihatan akan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan memastikan rakyat Malaysia sentiasa sihat. Namun begitu, tanpa kerjasama masyarakat dalam memastikan persekitaran hidup yang bersih dan bebas dari pembiakan nyamuk Aedes, semua usaha akan menemui kegagalan.

YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

8 Januari 2014